



**PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

KENYATAAN MEDIA

**“PEMANTAUAN TAHAP PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN
PERSEDIAAN REJIMEN ASKAR WATANIAH SERTA KEM-KEM TERPILIH
SEBAGAI LOKASI PELAKSANAAN PLKN 3.0”.**

**JAWATANKUASA PILIHAN KESELAMATAN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KE-15**

KUALA LUMPUR, 3 Disember 2025- Jawatankuasa Pilihan Keselamatan telah membentangkan Penyata **“Pemantauan Tahap Pembangunan Infrastruktur dan Persediaan Rejimen Askar Wataniah serta Kem-kem Terpilih Sebagai Lokasi Pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 (DR.39 Tahun 2025)”** di Dewan Rakyat pada 3 Disember 2025 (Rabu) selaras dengan fungsi Jawatankuasa sebagai badan semak dan imbang yang berperanan sebagai pemantau bagi pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0.

1. Penyata ini mengandungi laporan dan penelitian hasil Lawatan Kerja Jawatankuasa Pilihan Keselamatan ke 13 Cawangan Latihan Khidmat Negara (CLKN) di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.
2. Antara CLKN yang telah dilawati ialah:-
 - i. Rejimen 515 Askar Wataniah, Kuala Lumpur;
 - ii. Rejimen 505 Askar Wataniah, Kem Force 136, Pahang;

- iii. Rejimen 503 Askar Wataniah, Kem Hutan Melintang, Perak;
- iv. Rejimen 502 Askar Wataniah, Kem Sabak Bernam, Selangor;
- v. Rejimen 504 Askar Wataniah Kem Bukit Keteri, Perlis;
- vi. Rejimen 513 Askar Wataniah, Kem Bukit Pinang, Kedah;
- vii. Rejimen 509 Askar Wataniah, Kem Batu Uban, Pulau Pinang;
- viii. Rejimen 512 Askar Wataniah, Kem Sri Tembila; Terengganu;
- ix. Rejimen 506 Askar Wataniah, Kem Sungai Durian, Kelantan;
- x. Rejimen 516 Askar Wataniah, Kem Kukusan, Sabah;
- xi. Rejimen 511 Askar Wataniah, Kem Sematan, Sarawak
- xii. Pusat Pemulihan Pemasarakatan, Kem Kluang, Johor; dan
- xiii. Pusat Pemulihan Pemasarakatan, Kem Garison, Negeri Sembilan.

3. Penyata ini merangkumi dapatan menyeluruh bagi hasil libat urus, pemantauan dan penelitian terhadap semua kem yang telah dilawati, iaitu:-

- infrastruktur, utiliti dan kemudahan sokongan di beberapa kem masih memerlukan naik taraf secara menyeluruh;
- pembangunan kem khususnya kolam tadahan bagi kawasan rendah berisiko banjir perlu dibuat kajian mendalam;
- sistem saliran perlu diperkasakan, akses masuk dan lojistik juga perlu diperkemaskan dan ditambah baik;
- penggunaan sistem air dan elektrik lama perlu diperbaharui bagi menampung kapasiti pelatih; dan
- fasiliti latihan seperti lapang sasaran, litar merentas halangan, menara *abseiling* dan kawasan latihan taktikal perlu dilengkapi di banyak lokasi, menyebabkan kebergantungan kepada fasiliti luar dapat dikurangkan agar jadual latihan tidak terjejas serta dapat mengurangkan risiko keselamatan dan kos logistik.

4. Dalam aspek operasi, Jawatankuasa mendapati terdapat keperluan untuk menambah bilangan jurulatih, menyelaraskan skim perkhidmatan, meningkatkan latihan kompetensi, menilai semula tempoh latihan 45 hari agar modul dapat dilaksanakan secara lebih tersusun dan efektif serta memuktamadkan jumlah elaun untuk pelatih. Beberapa proses

kelulusan teknikal oleh agensi tempatan juga dikenal pasti sebagai faktor kelewatan projek di beberapa lokasi.

5. Selain itu, Jawatankuasa menekankan agar penyelarasan antara MINDEF, JLKN, Tentera Darat, agensi teknikal dan pihak berkuasa tempatan diperkukuhkan untuk mengelakkan pertindihan serta memastikan kelulusan teknikal berlaku dengan cepat.
6. Selaras prinsip tadbir urus baik, Jawatankuasa turut menegaskan kepentingan untuk memastikan peruntukan pembangunan digunakan secara berhemah dan mengikut keutamaan, disokong oleh laporan kemajuan fizikal dan kewangan secara berkala, penilaian *value for money*, pematuhan tatacara perolehan serta mekanisme pemantauan perbelanjaan yang telus bagi mengelakkan pembaziran serta memastikan projek siap mengikut tempoh dan skop sebenar.
7. Secara keseluruhannya, Jawatankuasa berpendapat bahawa pelaksanaan PLKN 3.0 berada pada landasan progresif namun memerlukan tindakan segera dan teratur bagi memastikan semua kem mencapai tahap kesiapsiagaan yang selamat, lengkap dan sesuai bagi pelaksanaan PLKN 3.0 tahun hadapan. Jawatankuasa juga menegaskan bahawa kejayaan PLKN 3.0 bergantung sepenuhnya kepada kualiti infrastruktur, modul latihan, kebajikan pelatih dan keupayaan agensi pelaksana untuk memastikan segala syor yang telah dikemukakan dapat diterjemah kepada tindakan di lapangan dengan efektif.
8. Dengan itu, Jawatankuasa mengesyorkan supaya Kementerian Pertahanan memperkukuh penyelarasan keseluruhan pelaksanaan PLKN 3.0, meningkatkan kapasiti latihan jurulatih, memastikan pemantauan pembangunan berjalan secara berkala, serta melaksanakan audit keselamatan dan operasi di semua kem bagi menjamin kesiapsiagaan penuh sebelum modul PLKN 3.0 dilaksanakan sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.